



“Digital Star ERA”

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	Astro Radio Sdn Bhd (403472-D)
2.	Stesen Radio	ERA
3.	Nama Peraduan	Digital Star ERA
4.	Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan	Pencarian bakat untuk Digital Star ERA
5.	Mekanisma ringkas Peraduan	<p>a) Peserta harus memuat naik video secara kreatif di instagram beserta hashtag #DigitalStarERAKDU dan #kduedu serta tag @era.je.</p> <p>b) Peserta-peserta akan disenarai pendek berdasarkan video kreatif yang dihantarkan. Dua belas peserta akan dipilih berdasarkan keputusan panel juri.</p> <p>c) Peserta yang dipilih harus hadirkan diri ke Astro Bukit Jalil untuk melakukan ujian / cabaran yang akan berlangsung antara 12 September 2018 hingga 21 September 2018. Jika peserta gagal menghadirkan diri pada hari tersebut, maka mereka dikira hilang kelayakan untuk menyertai pertandingan ini.</p> <p>d) Setelah peserta ini dipilih, mereka haruslah berada di sekitar Lembah Klang dalam tempoh masa ini bagi menyempurnakan ujian / tugas yang bakal diberikan.</p> <p>e) Peserta yang telah terpilih harus membuat video secara kreatif berdasarkan tema yang diberi oleh panel juri. Segala ujian dan tugas tersebut akan dinilai oleh panel juri.</p>
6.	Kriteria Kelayakan	<p>Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 20 Ogos 2018</p> <p>a) berusia 18-29 tahun</p> <p>b) bukan pekerja dan keluarga terdekat Astro Malaysia Holdings Berhad dan syarikat – syarikat bersekutunya.</p> <p>c) tidak terikat dengan mana-mana stesen radio</p> <p>d) bukan artis rakaman dan tidak pernah merakamkan album atau “single” untuk lima (5) tahun yang lalu dari 20 Ogos 2018</p> <p>e) tidak terikat secara kontrak/perjanjian dengan mana-mana syarikat rakaman, pengurusan dan mana-mana syarikat atau orang-orang yang boleh menghalang peserta menyertai peraduan ini</p>
7.	Ketidaklayakan	<p>Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: -</p> <p>a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan ini dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut;</p> <p>b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1000.00 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini;</p>

		<p>c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1001.00 - RM5000.00 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini;</p> <p>d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5001.00 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.</p>
8.	Umur Kelayakan	Peraduan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 20 Ogos 2018
9.	Caj	Tidak berkeajaan.
10.	Tempoh Peraduan	20 Ogos 2018 hingga 9 Sept 2018
11.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia
12.	Prosedur Penyertaan	Hantar penyertaan melalui instagram
13.	Tarikh Tutup Penyertaan	9 Sept 2018
14.	Cara Penghantaran	Melalui laman sosial instagram
15.	Alamat	Astro Radio Sdn Bhd, All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
16.	Pemilihan Pemenang	Pemenang utama akan dipilih berdasarkan keputusan juri.
17.	Hadiah	Menjadi bakat Digital Star ERA & wang tunai bernilai RM5,000.
18.	Pemberitahuan Pemenang Peraduan	Nama pemenang akan diumumkan melalui radio dari pihak radio
19.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Akan diumumkan oleh pihak penganjur
20.	Tempat Pengambilan Hadiah	Akan diumumkan oleh pihak penganjur
21.	Terma-terma tambahan, jika ada	<p>Pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya membatalkan kelayakan pemanggil atau pemanggil-pemanggil yang berkaitan atas apa-apa jua sebab, dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pemberian Hadiah kepada pemanggil atau pemanggil-pemanggil tersebut, dan boleh memberikan Hadiah kepada orang lain mengikut budi bicara mutlaknyanya.</p> <p>Sekiranya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecuiaan, kesilapan dan/atau kesalahan pihak Penganjur.</p> <p>Sekiranya transaksi pemindahan telegraf ke akaun bank Pemenang gagal disebabkan oleh informasi yang dibekalkan oleh Pemenang adalah tidak lengkap dan/atau salah, Penganjur merizabkan haknya untuk menolak RM10.00 daripada nilai Hadiah untuk setiap penghantaran-semula transaksi tersebut.</p> <p>Peserta akan dihubungi melalui Instagram untuk mendapat maklumat peribadi. Peserta yang tidak membalas akan kehilangan kelayakan untuk menyertai Program ini.</p> <p>Peserta yang dipilih harus hadirkan diri ke Astro Bukit Jalil untuk melakukan ujian / cabaran yang akan berlangsung antara 12 September 2018 hingga 21 September 2018. Jika peserta gagal menghadirkan diri pada hari tersebut, maka mereka dikira hilang kelayakan untuk menyertai pertandingan ini.</p> <p>Setelah peserta ini dipilih, mereka haruslah berada di sekitar Lembah Klang dalam tempoh masa ini bagi menyempurnakan ujian / tugas yang bakal diberikan.</p> <p>Peserta yang tidak dapat hadirkan diri untuk finale yang akan berlangsung pada 21 September 2018 akan kehilangan kelayakan untuk menyertai pertandingan ini.</p>

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("Peserta"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.